**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 18**
**RUANGAN : NASIONAL**

*Penularan COVID-19*

# Kes kematian diklasifikasi ikut garis panduan WHO

## Langkah wujudkan keseragaman data di seluruh dunia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kes kematian COVID-19 akan diklasifikasikan semula mengikut garis panduan ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi mewujudkan keseragaman data di seluruh dunia.

Menerusi penyeragaman semula itu, kes kematian akan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu mati akibat jangkitan COVID-19 dan maut bersama virus terbabit (kematian disebabkan faktor lain seperti kemalangan).

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata ia bagi membolehkan perbandingan lebih tepat dan seragam antara negara dapat dilakukan.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan perincian berhubung bila dan bagaimana proses itu akan dilakukan, selain menegaskan ia bakal diterangkan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah nanti.

"Saya juga belum boleh mendedahkan sama ada kementerian akan semak semula keseluruhan kes kematian COVID-19 di negara ini bagi dipadankan dengan garis panduan berkenaan atau sebaliknya.

"Kadar kematian kita akan jadi lebih rendah kalau ikut definisi ditetapkan WHO. Kita bentang dalam Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), pagi tadi (semalam). Sebab kes COVID-19 jika tak buat apa-apa pun 70 peratus akan sembuh.

"Itu yang ada orang dakwa kalau makan kuah pindang atau daun semambu boleh sembuhkan COVID-19. Sebenarnya 70 peratus pesakit COVID-19 kalau biar pun boleh 'survive' (sembuh), 30 peratus (pesakit) akan ada gejala dan lima peratus perlukan alat bantuan pernafasan, tetapi kalau orang itu ada co-COVID (penyakit sampingan) semestinya akan meningkat (risiko)," katanya.




***Dr Rohaizat pada program Bicara Emas UKM*** *bertemakan 'Menangani Berita Palsu dalam Situasi Penularan Pandemik COVID-19' di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Owee Ah Chun/BH)

Beliau berkata demikian pada program Bicara Emas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertemakan 'Menangani Berita Palsu dalam Situasi Penularan Pandemik COVID-19' di sini, semalam.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan melaporkan, tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatifnya kekal 134 kes, iaitu 1.22 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Mengambil contoh dua kes kematian berkaitan COVID-19 di negara ini yang hanya dikenal pasti selepas saringan dilakukan ke atas mayat mangsa, Rohaizat menyifatkan ia sebagai tidak tepat bagi proses pengumpulan data.

"Baru-baru ini, ada seorang pemandu kemalangan, apabila kita mahu kebumikan (mayat) kita saring dan dia positif COVID-19. Jadi dia masuk dalam kematian akibat COVID-19. Ini tidak betul.

"Sebab jika dia tak memandu atau kemalangan (tetapi) dia ada COVID (mungkin) dia mati tak? 70 peratus dia tak mati. Jadi dia mati bersama COVID-19, tetapi bukan disebabkan COVID-19.

"Satu kes lagi yang gantung diri dan bila saring (mayat mangsa) dia positif COVID-19. Jadi mati sebab COVID-19 ke gantung diri?" katanya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 19**
**RUANGAN : NASIONAL**

*Penularan COVID-19*

# Penularan di Semenanjung berkait perjalanan ke Sabah

## Kes sejak 20 September hingga semalam babit individu berurusan kerja, bercuti dan PRN

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my



> ***Sekarang kepatuhan SOP untuk semua, bukan sahaja yang berkempen, juga petugas barisan hadapan perlu mematuhi SOP baru dapat putuskan jangkitan.***
>
> ***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*

**Putrajaya:** Sejak 20 September lalu hingga semalam, kebanyakan kes COVID-19 yang menular di Semenanjung mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

Ia membabitkan mereka yang ke negeri itu kerana urusan kerja, bercuti mahupun terbabit dalam kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) yang berakhir Sabtu lalu.

Malah, setakat ini, sekurang-kurangnya dua kluster yang dikesan di Semenanjung, termasuk Kluster Bakawali di Johor yang diumumkan semalam, kes indeksnya mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 63 kes positif COVID-19 yang dikesan di negara ini dari 20 September hingga tengah hari semalam, mempunyai sejarah pulang dari Sabah.

Beliau berkata, semalam saja, 17 kes positif baharu COVID-19 yang dicatatkan Kementerian Kesihatan membabitkan individu yang pulang dari negeri itu.

Beliau berkata, sembilan daripada kes baharu itu dikesan di Selangor yang semuanya membabitkan warganegara.

Katanya, lapan lagi kes lain dikesan di Kuala Lumpur, Kedah, Perak, Melaka, Kelantan, Pulau Pinang, Putrajaya dan Perlis.

"Kes indeks bagi kluster ini (Kluster Bakawali) iaitu kes ke-10,911 dan kes ke-10,912 adalah pasangan suami isteri warganegara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna, Sabah pada 13 September 2020 sehingga 18 September lalu.

"Pada 24 September 2020, kedua-dua kes demam, selesema dan batuk yang kemudian mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru. Mereka didapati positif COVID-19 pada 26 September 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Johor.

"Hasil saringan kontak rapat mendapati dua lagi kes positif bagi kluster ini," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Kementerian Kesihatan juga mengesan empat kluster baharu iaitu dua di Sabah dikenali Kluster Jalan Bomba serta Kluster Jalan Utara, satu di Selangor yang dikenali sebagai Kluster Benteng PK, dan satu lagi di Johor dikenali sebagai Kluster Bakawali.

Sebelum ini, satu kluster dilaporkan membabitkan kes indeks yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah iaitu Kluster Jalan Apas yang dikesan di Klang, Selangor.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, kementerian memerlukan tempoh dua minggu lagi untuk mengetahui sama ada wujud ketidakpatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) ketika kempen PRN Sabah.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima aduan berhubung perkara itu.

Katanya, aktiviti pencegahan sudah dilaksanakan termasuk 98 sekatan jalan raya serta kawalan sempadan diperketatkan dan pengesanan kontak rapat.

Semua aktiviti itu, katanya membolehkan KKM mengesan kes di Sabah.

"Pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini dan Slim, tiada kluster (kerana) mereka mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Sekarang ini kepatuhan SOP untuk semua, bukan saja yang berkempen, juga petugas barisan hadapan perlu mematuhi SOP baru dapat putuskan jangkitan," katanya.

Penularan semula kes COVID-19 di Sabah dikesan dengan dua kes indeks yang ditahan dalam operasi Benteng dan kemudiannya ditempatkan di lokap Polis Lahad Datu dan Penjara Tawau.

Sejak itu, kes positif COVID-19 di negeri itu mulai meningkat termasuk menjangkiti beberapa ahli politik yang turun berkempen pada PRN Sabah.

Semalam, kementerian merekodkan 101 kes positif baharu COVID-19, dengan 97 daripadanya membabitkan penularan tempatan.

Katanya, daripada jumlah kes positif baharu itu, 93 kes membabitkan rakyat tempatan, manakala empat lagi membabitkan warga asing.

Beliau berkata, seramai 73 individu dikesan positif COVID-19 di Sabah iaitu 51 dalam Kluster Bangau-bangau; lapan saringan bergejala; tiga dalam kluster baharu iaitu Kluster Jalan Bomba; dua daripada Kluster Benteng LD; dua daripada Kluster Kuarters; dua daripada kluster baharu iaitu Kluster Jalan Utara dan masing-masing satu kes saringan rujukan ke Hospital Sandakan; kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; kes saringan di Pintu Masuk Antarabangsa; kes saringan petugas kesihatan dan saringan komuniti.

## Dua pelajar sekolah menengah di Pandamaran Jaya positif

**Shah Alam:** Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memaklumkan dua pelajar di sebuah sekolah menengah di Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang dekat sini, dikesan positif COVID-19.

Pengarahnya Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, ketika dihubungi berkata, kedua-dua pelajar berkenaan sudah dihantar ke Hospital Sungai Buloh, untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Kedua-dua pelajar berkenaan yang juga adik-beradik disyaki dijangkiti oleh abang mereka, yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Izmi Ismail, pula berkata, sekolah berkenaan masih meneruskan sesi persekolahan seperti biasa kelmarin namun kelas kedua-dua beradik itu sudah disanitasi sepenuhnya terlebih dahulu, sebelum digunakan.

Katanya, sebarang tindakan lanjut seperti penutupan sekolah itu sekiranya perlu, adalah berdasarkan kepada nasihat daripada Pejabat Kesihatan Daerah Klang.

Sementara itu di Johor Bahru, CIMB Group Holdings Bhd mengesahkan satu kes COVID-19 membabitkan seorang kakitangannya yang bertugas di bahagian komersial, cawangan Permas Jaya.

Kumpulan itu menyatakan sebagai tindakan pencegahan, keseluruhan cawangan itu sudah melalui sanitasi dan pembersihan, pada 27 September.

"Ini berikutan satu kes yang disahkan COVID-19 di pejabat Komersial Bank CIMB, yang terletak di tingkat berbeza cawangan Permas Jaya. Tiada kakitangan cawangan bank berurusan dengan pekerja komersial bank itu," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik menerusi Facebook CIMB Malaysia, di sini kelmarin.

Bank itu turut memberikan jaminan kepada pelanggannya yang cawangan bank CIMB Bandar Baru Permas Jaya dibuka seperti biasa.

Pengarah Kesihatan Johor Dr Aman Rabu yang dihubungi, turut mengesahkan proses sanitasi yang dilakukan CIMB itu adalah atas inisiatif sendiri dan langkah-langkah kawalan, berikutan pengesanan kes COVID-19 membabitkan kakitangan bank berkenaan.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NASIONAL

# 28 individu dijangkiti chikungunya di Kulim

**Alor Setar:** Seramai 28 individu disahkan dijangkiti chikungunya membabitkan dua lokaliti di Kulim.

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Mohd Fikri Ujang, berkata lokaliti pertama wabak itu dikesan di Flat Jati pada 2 September lalu dan setakat ini menjangkiti 23 individu, manakala satu lagi dikesan di Taman Sawi pada Ahad lalu dengan lima individu dijangkiti.

"Semua individu ini menunjukkan pelbagai gejala antaranya demam, sakit sendi dan ruam. Wabak di flat berkenaan dijangka akan tamat esok (hari ini), manakala wabak di lokaliti Taman Sawi dijangka berakhir pada 12 Oktober depan.

"Bagaimanapun kita akan terus pantau keadaan di kedua-dua lokaliti ini bagi memastikan tiada kes baharu. Langkah-langkah kawalan juga sudah dilakukan di kedua-dua lokaliti berkenaan dan ketika ini keadaan adalah terkawal," katanya di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Mohd Fikri menasihatkan orang ramai terutama yang tinggal di kawasan wabak supaya segera mendapatkan rawatan di pusat kesihatan berhampiran sekiranya mengalami gejala seperti demam, pening kepala dan sakit sendi.

"Orang ramai juga disaran menjalankan pemeriksaan kendiri di kediaman masing-masing serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes, selain menggunakan semburan aerosol di dalam rumah pada waktu puncak nyamuk aedes aktif iaitu dari jam 6 pagi hingga 8 pagi dan 6 petang hingga 8 malam," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

# Saringan lebih lancar

## *KKM lakukan tambah baik mudahkan urusan di KLIA*






PENUMPANG yang baru tiba dari Sabah melakukan ujian di KLIA dan diberi penerangan mengenai kuarantin di rumah.

**Oleh Ekhwan Haque Fazlul Haque**
ekhwan@hmetro.com.my

**Sepang**

Tidak timbul isu 'bosan menunggu' berikutan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah melakukan penambahbaikan bagi memudahkan prosedur saringan Covid-19 khusus kepada penumpang dari Sabah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Walaupun ada setengah penumpang perlu menunggu lebih lama, keadaan lebih teratur berbanding hari pertama prosedur bermula Ahad lalu.

Penumpang yang tiba diminta mengisi borang deklarasi kesihatan dan perlu menunggu sebelum dibawa ke ruang saringan membabitkan 30 individu bagi setiap kumpulan.

Bagi menambah keselesaan, penumpang juga dibekalkan makanan dan air mineral sebelum dan selepas saringan dijalankan petugas KKM.

Penumpang dari Keningau, Sajiah Wasimin, 48, berkata, dia memahami sekiranya perlu menunggu lama berikutan jumlah penumpang yang ramai tiba serentak dari Sabah.

Beliau berkata, KKM dan agensi lain sudah melakukan yang terbaik bagi memastikan penumpang dari Sabah menjalani saringan Covid-19 dalam keadaan yang selesa.

"Ini prosedur baharu dan penumpang perlu faham kekangan yang dihadapi agensi terbabit sehingga ada yang perlu menunggu lama.

"Saringan hari ini (semalam) berjalan lancar dan KKM sudah tambah baik prosedur dan jumlah kakitangan.

"Terima kasih kerana masih terus berbakti kepada negara untuk memastikan rakyat selamat dari Covid-19," katanya ketika ditemui, semalam.

Secara keseluruhan, ujian saringan berjalan lancar dan ada beberapa penumpang yang ditemui hanya mengambil masa kurang satu jam.

Prosedur baharu itu mewajibkan semua individu yang tiba dari Sabah perlu menjalani saringan di pintu masuk domestik dan antarabangsa bermula Ahad lalu hingga 10 Oktober.

Ia susulan peningkatan kes mendadak individu yang pulang dari Sabah terutama mereka yang mempunyai rekod perjalanan ke pantai timur negeri itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL



ORANG ramai menunggu giliran untuk menjalani ujian saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan Membedai, Labuan, semalam.

JANGKITAN COVID-19

# 4 kluster baharu

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti empat kluster baharu iaitu Kluster Jalan Bomba dan Kluster Jalan Utara di Sabah, Kluster Benteng PK di Selangor serta Kluster Bakawali di Johor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks bagi Kluster Jalan Bomba ialah kes ke-11,110 iaitu lelaki warganegara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna, Sabah 20 September lalu.

"Kes bergejala demam dan batuk dan didapati positif Covid-19 pada 28 September lalu. Kes dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan hasil saringan kontak rapat mendapati dua lagi kes positif Covid-19, semalam (kelmarin).

"Pengenalpastian kontak rapat dan saringan masih diteruskan Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, bagi Kluster Jalan Utara, ia dikenal pasti hasil saringan petugas kesihatan di sebuah institut latihan di Sandakan, Sabah.

"Dua petugas kesihatan dikesan positif Covid-19 pada 28 September lalu. Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan," katanya.

Menurutnya, Kluster Benteng PK pula dikenal pasti hasil saringan pendatang asing tanpa izin (Pati) di Klang, Selangor.

"Saringan dijalankan dari 16 September hingga 25 September lalu apabila lapan Pati dikesan positif Covid-19. Hasil saringan kontak rapat mendapati satu lagi kes positif bagi kluster ini pada 28 September yang membabitkan anggota polis," katanya.

Katanya, mereka dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, di sini, dan sehingga kini 148 individu disaring, sembilan kes positif Covid-19 serta 139 negatif.

"Bagi Kluster Bakawali, kes indeks kluster ini ialah kes ke-10,911 dan kes ke 10,912 pasangan suami isteri warganegara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna, Sabah pada 13 September sehingga 18 September lalu.

"Pada 24 September lalu, kedua-dua kes bergejala demam, selesema dan batuk dan dirawat di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru," katanya.

Katanya, mereka didapati positif Covid-19 pada 26 September lalu dan dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Johor.

"Hasil saringan kontak rapat mendapati dua lagi kes positif bagi kluster ini. Sehingga 29 September lalu, 25 individu disaring.

"Empat kes dikesan positif Covid-19, 13 individu negatif; dan lapan individu masih menunggu keputusan," katanya.

## Individu negatif tidak wajib kuarantin 14 hari

**Kuala Lumpur:** Individu yang pulang dari Sabah dan mendapat keputusan negatif selain tidak bergejala dan tiada kontak rapat dengan individu positif tidak diwajibkan menjalani kuarantin selama 14 hari.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mereka bagaimanapun dinasihatkan menjalani kawalan kendiri termasuk berada di rumah sehingga tamat tempoh itu.

"Bagi kes positif yang dikesan, tidak ada isu kerana ia (individu itu) terus (dibawa) ke hospital, (manakala) kes negatif tetapi ada kontak rapat pula akan dikuarantin.

"Manakala mereka yang negatif, tidak bergejala dan tiada kontak rapat dengan individu positif akan diberi tempoh kuarantin di rumah sehingga mendapat keputusan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, individu itu dinasihatkan tampil ke Pusat Kesihatan Daerah atau klinik kesihatan untuk membuat ujian calitan pada hari ke-13 bagi memastikan mereka bebas daripada Covid-19.

"KKM akan meningkatkan lagi saringan dalam komuniti. Kalau kita lihat kita sudah berjaya menamatkan 99 kluster bererti kita berjaya menggunakan amalan kesihatan awam.

"Kita akan gunakan kaedah intervensi kesihatan awam di Sabah, namun apa yang penting kini ialah meningkatkan lagi ujian saringan," katanya.



DR Noor Hisham

## Jangka kenaikan kes Kluster Bangau-Bangau

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menolak kemungkinan lebih ramai individu akan dikesan positif Covid-19 daripada Kluster Bangau-Bangau di Semporna, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, trend kenaikan kadar positif di kawasan itu membimbangkan kerana ia menunjukkan kebarangkalian jangkitan sebanyak 65.56 peratus.

Katanya, setakat ini, seramai 421 individu sudah menjalani saringan dengan 276 individu dikesan positif bagi kluster itu.

"Apa kita lakukan memulakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) Secara Pentadbiran di kawasan itu dan meningkatkan saringan terhadap penduduk.

"Ini antara kluster kita bimbangkan kerana wabak berada dalam komuniti itu dan menjangkiti ramai individu," katanya.

Beliau berkata, semua penduduk di situ disaring dan kes positif akan diasingkan dan diberi rawatan bagi mengawal penularan jangkitan.

Selain itu, katanya, KKM dengan kerjasama pihak berkuasa turut melaksanakan sekatan jalan raya di kampung berkenaan selain memperketatkan kawalan sempadan.

## 101 jangkitan baharu, empat kes import

**Kuala Lumpur:** Jangkitan Covid-19 dalam negara mencatatkan 101 kes baharu, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes penularan wabak itu sebanyak 11,135 kes, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada semua kes baharu itu, empat kes import yang mendapat jangkitan di luar negara dan 97 kes pula adalah penularan tempatan.

Katanya, kes import itu membabitkan satu individu warganegara dan tiga indvidu bukan warganegara.

> *Bagi 97 kes penularan tempatan, 93 kes membabitkan warganegara manakala empat bukan warganegara"*
>
> **Dr Noor Hisham**

"Bagi 97 kes penularan tempatan, 93 kes membabitkan warganegara manakala empat bukan warganegara.

"Kes baharu Covid-19 hari ini (semalam) mendapati Sabah kekal tertinggi iaitu 70 kes, Selangor (13), Johor (3) dan masing-masing satu kes bagi Kelantan, Perak, Melaka, Perlis, Kedah, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 50 kes pulih semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 9,939 kes iaitu 89.3 peratus.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 meningkat kepada 1,062 kes dan mereka diasingkan serta diberi rawatan.

"Sehingga kini, 13 kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan lima kes memerlukan bantuan pernafasan dan tiada kematian dilaporkan hari ini (semalam)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



Kosmo! RABU 30 SEPTEMBER 2020

Covid-19 #kitamestimenang

# 63 individu positif ada rekod perjalanan ke Sabah

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 63 kes penularan Covid-19 yang dikesan di Semenanjung, mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September hingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, individu terbabit ke negeri itu atas urusan kerja, bercuti mahu pun terbabit dalam kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang berakhir Sabtu lalu.

"Sebanyak 63 kes positif Covid-19 yang dikesan dari 20 September hingga tengah hari ini (semalam), mempunyai sejarah pulang dari Sabah.

"Pada hari ini sahaja terdapat 17 kes positif baharu Covid-19 yang dicatatkan membabitkan individu yang pulang dari negeri itu dengan sembilan daripada kes baharu itu dikesan di Selangor yang semuanya membabitkan warganegara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



**PENUMPANG penerbangan dari Sabah menunggu giliran bagi menjalani ujian saringan Covid-19 sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) Sepang.** – SHIDDIEQIIN ZON

Dalam pada itu, sekurang-kurangnya ada dua kluster yang dikesan di Semenanjung, termasuk Kluster Bakawali di Johor yang kes indeksnya mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

Sebelum ini, satu kluster dilaporkan membabitkan kes indeks yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah iaitu Kluster Jalan Apas yang dikesan di Klang, Selangor.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memerlukan tempoh dua minggu bagi mendapatkan laporan lengkap berhubung kepatuhan prosedur operasi standard (SOP) pada PRN Sabah.

Noor Hisham berkata, berdasarkan kepada Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini dan PRK Slim yang lepas, tiada kluster baharu daripada PRK tersebut sekali gus menunjukkan bahawa SOP dipatuhi.

"Justeru, mungkin kita akan tahu laporan lengkap PRN Sabah bagi tempoh dua minggu lagi berhubung pengawalan dan sebagainya.

"Mungkin boleh ditambah baik dari segi cara berkempen dan kepatuhan SOP kerana ketidakpatuhan SOP menjadi isu dan ia perlu dipatuhi semua pihak bukan sahaja mereka yang berkempen tetapi rakyat Malaysia, petugas kesihatan serta barisan hadapan," katanya.

101 kes harian dengan 97 kes penularan tempatan dicatat semalam

# Empat kluster baharu dikesan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Empat lagi kluster penularan Covid-19 dilaporkan semalam membabitkan Kluster Jalan Bomba dan Kluster Jalan Utara di Sabah, Kluster Benteng PK di Selangor serta Kluster Bakawali di Johor menjadikan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 11,135.

Keempat-empat kluster tersebut antara penyumbang kepada kes baharu semalam iaitu 101 kes membabitkan 97 penularan tempatan dan empat kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bagi Kluster Jalan Bomba, kes indeks warganegara berusia 23 tahun iaitu kes ke-11,110 mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna pada 20 September lalu.

"Mangsa demam serta batuk dan didapati positif Covid-19 pada 28 September serta telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

"Hasil saringan kontak rapat mengesan dua lagi kes positif dan kontak rapat serta saringan masih diteruskan oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Utara pula dikenal pasti hasil saringan petugas kesihatan di sebuah institut latihan di Sandakan, Sabah.

"Dua petugas kesihatan wanita berusia 23 dan 26 tahun dikesan positif Covid-19 pada 28 September dan mereka tidak bergejala serta telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent Sandakan.

**Kluster Aktif (Setakat 12 tengah hari, 29 September 2020 - Selasa)**




1. Benteng, Lahad Datu **(875 kes)** - Sabah
2. Bangau-bangau, Semporna **(276)** - Sabah
3. Sungai **(99 kes)** - Kedah
4. Tawar **(92 kes)** - Kedah
5. Pulau, Kunak **(49 kes)** - Sabah
6. Selamat, Semporna **(25 kes)** - Sabah
7. Laut, Kunak **(24 kes)** - Sabah
8. Bakau, Semporna **(17 kes)** - Sabah
9. Telaga **(16 kes)** - Kedah
10. Bunga **(11 kes)** - Negeri sembilan
11. Kampung Sakong, Semporna **(4 kes)** - Sabah
12. Buang Sayang, Sipitang **(9 kes)** - Sabah
13. Benteng PK **(9 kes)** - Klang
14. Jalan Apas **(9 kes)** - Selangor
15. Kuarters, Sandakan **(7 kes)** - Sabah
16. Bakawali **(4 kes)** - Johor Bahru
17. Setapak **(3 kes)** - Kuala Lumpur
18. Udin, Tawau **(3 kes)** - Sabah
19. DTI Semenyih 2 **(3 kes)** - Selangor
20. Jalan Bomba, Semporna **(3 kes)** - Sabah
21. MV Glen **(2 kes)** - Selangor
22. Orkim **(2 kes)** - Johor
23. Ara **(2 kes)** - Pulau Pinang
24. Jalan Utara **(2 kes)** - Sandakan

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu<br>**Import: 4 Tempatan: 97** | 101 |
| Pulih | 50 |
| Kematian | 0 |
| Masih dirawat | 1,062 |
| Jumlah kes sembuh | 9,939 |
| Jumlah Kematian | 134 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | 11,135 |

"Saringan masih lagi diteruskan oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan manakala punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Noor Hisham berkata, bagi Kluster Benteng PK, ia dikenal pasti hasil saringan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Klang, Selangor yang dijalankan dari 16 hingga 25 September.

"Lapan PATI dikesan positif dan hasil saringan kontak rapat mendapati satu lagi kes positif bagi kluster ini pada 28 September melibatkan anggota polis lelaki berusia 24 tahun.

"Mereka telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan sehingga kini, seramai 148 individu telah disaring dan 139 dikesan negatif," katanya.

Bagi Kluster Bakawali, beliau berkata, kes indeks iaitu kes ke-10,911 dan ke-10,912 merupakan pasangan suami isteri masing-masing berusia 40 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna pada 13 sehingga 18 September.

"Pada 24 September, kedua-duanya bergejala demam, selesema dan batuk yang kemudian mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

"Mereka didapati positif pada 26 September telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, manakala saringan kontak rapat mendapati dua lagi kes positif bagi kluster ini melibatkan wanita berusia 36 tahun dan lelaki berusia 26 tahun," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, tiga kluster di Sabah merekodkan pertambahan kes iaitu Kluster Bangau-Bangau dengan 51 kes, Kluster Benteng LD (dua), Kluster Kuarters (dua) dan saringan bergejala melibatkan warga Malaysia (lapan).

"Selain itu, masing-masing satu kes bagi saringan rujukan ke Hospital Sandakan, saringan kontak rapat kepada kes positif Covid-19 ke-11,119, saringan di Pintu Masuk Antarabangsa, saringan petugas kesihatan dan saringan komuniti.

"Kes baharu lain di Selangor ialah Kluster Jalan Apas (satu), saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi Sabah (sembilan), saringan kontak rapat kepada kes ke-10,776 dan kes ke- 11,129 serta saringan sebelum pulang ke negara asal melibatkan warga asing," katanya.

Katanya, lapan kes tempatan lain ialah saringan pulang dari Sabah yang setiap satunya dilaporkan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Perak, Melaka, Kelantan, Pulau Pinang dan Perlis.

"Empat kes import dilaporkan dari Myanmar, Arab Saudi dan Nigeria yang masing-masing dilaporkan di Sarawak dan Selangor," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

# Kes denggi meningkat 5.5 peratus di Selangor

**SHAH ALAM** – Kes demam denggi di Selangor mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus dalam tempoh seminggu pada bulan ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan negeri, sebanyak 533 kes direkodkan antara 20 hingga 26 September pada minggu epid (ME) ke-39 tahun ini.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, jumlah itu jelas menunjukkan peningkatan berbanding 524 kes pada minggu sebelumnya.

Katanya, lima daerah utama yang mencatatkan kes denggi tertinggi adalah Petaling iaitu 13,608 kes, Hulu Langat (8,091), Klang (6,440), Gombak (5,603) dan Sepang (2,198).

"Jumlah lokaliti yang aktif adalah sebanyak 192 iaitu meliputi perincian lokaliti 'panas' iaitu 20, wabak tidak terkawal (14), wabak terkawal (148) dan wabak baru (10).

"Sebanyak 36 kematian dilaporkan dalam tempoh itu iaitu penurunan 25 peratus berbanding 48 kes pada tahun lalu," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujar Sha'ari, jumlah kes itu bagaimanapun menunjukkan penurunan sebanyak 30.3 peratus iaitu keseluruhan 16,908 kes berbanding 55,773 dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lalu.

Justeru, beliau menegaskan pencegahan denggi perlu dipertingkatkan dengan penglibatan aktif dan kerjasama semua agensi dan masyarakat setempat.

"Kami menyarankan komuniti di kawasan kediaman dan tempat kerja melaksanakan gotong-royong secara berkala dengan mengamalkan pendekatan norma baharu.

"Ia termasuk memastikan penjarakan fizikal dan perlu menggunakan pelitup muka ketika menjalankan aktiviti terutama di lokasi umum," katanya.



**KAWASAN kediaman dan tempat kerja melaksanakan gotong-royong dan semburan asap bagi membasmi pembiakan nyamuk aedes.**
– GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEGARA






**10 jururawat yang bertugas di Wad Diraja, HSA dikurniakan Perodua Myvi oleh Sultan Johor semalam.** – FOTO IHSAN/ROYAL PRESS OFFICE

## Sultan Johor zahir penghargaan atas sumbangan

# Rezeki 10 jururawat dapat Perodua Myvi

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan mengurniakan 10 buah kereta Perodua Myvi kepada 10 jururawat yang bertugas di Wad Diraja Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini semalam.

Pemberian kenderaan itu sebagai menzahirkan penghargaan Sultan Ibrahim di atas sumbangan serta khidmat mereka kepada Baginda dan juga keluarga Diraja Johor.

Penyelia Jururawat, Matron Rokiah Samin yang bertugas di Wad Diraja HSA sejak tahun 2006, melahirkan perasaan syukur di atas kurniaan berkenaan.

"Mewakili mereka yang lain, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada baginda Tuanku Sultan di atas kurniaan ini.

> Besar sungguh nilainya kepada kami semua, dan kami juga sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kesihatan Sultan Johor serta keluarga diraja Johor."
>
> MATRON ROKIAH SAMIN

"Besar sungguh nilainya kepada kami semua, dan kami juga sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kesihatan Sultan Johor serta keluarga diraja Johor," katanya di sini semalam.

Kenderaan berkenaan disampaikan kepada mereka dalam satu majlis di Kasawari Motors Sdn. Bhd. di Larkin di sini oleh Pengarah Kasawari Motors, Muhammad Fahmi Datuk Seri Paduka Dr. Hassan.

Turut berkongsi perasaan syukur ialah Nuraini Aziz, 28, yang hadir sendiri untuk menerima kenderaan berkenaan walaupun masih dalam tempoh pantang selepas melahirkan anak tiga hari yang lalu.

"Kami akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada Sultan Johor dan keluarga diraja Johor," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 101 kes positif Covid-19

Libatkan empat kes import dan 97 lagi adalah penularan dalam negara

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Terdapat 101 kes termasuk 17 yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah disahkan positif koronavirus (Covid-19) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 101 kes, empat merupakan kes import dan 97 lagi adalah penularan dalam negara.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini adalah 11,135 kes dengan 1,062 kes aktif," katanya.

Mengulas mengenai penularan dalam negara, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 73 kes.

"Kluster Bangau-bangau merekodkan 51 kes, lapan kes saringan bergejala, tiga daripada Kluster Jalan Bomba dan masing-masing dua kes melibatkan Kluster Benteng LD, Kuarters, Jalan Utara," katanya.

Menurutnya, KKM turut mengesan masing-masing satu kes saringan rujukan ke Hospital Sandakan, kontak rapat kepada kes positif dan saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).

"Dua lagi adalah kes saringan petugas kesihatan dan saringan komuniti," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, di Selangor, 14 kes baharu positif Covid-19 direkodkan semalam.

"Ia melibatkan sembilan kes saringan pulang dari Sabah, dua saringan kontak rapat dan masing-masing satu kes Kluster Benteng PK, Jalan Apas serta saringan sebelum pulang ke negara asal," katanya.



NOOR HISHAM

Tambahnya, di Johor, dua kes baharu dikesan melibatkan Kluster Bakawali.

"Pertambahan itu menjadikan jumlah kes positif bagi kluster ini adalah empat kes," katanya.

Selain itu, di Kuala Lumpur, Kedah, Perak, Melaka, Kelantan, Pulau Pinang, Putrajaya dan Perlis merekodkan masing-masing satu kes yang mana ia melibatkan individu pulang dari Sabah.

"Sehingga kini, terdapat 13 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk lima yang memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Katanya, tiada kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan dan ia kekal pada 134 kes.

## Lagi empat kluster baharu dikesan

PUTRAJAYA- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan empat kluster baharu Covid-19 membabitkan dua di Sabah masing-masing satu di Selangor dan Johor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua kluster di Sabah ialah Kluster Jalan Bomba dan Jalan Utara dikesan di Sandakan.

Menurutnya, kes indeks bagi kluster Jalan Bomba ialah kes 11,110 yang mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna pada 20 September lalu

"Lelaki berkenaan bergejala demam dan batuk disahkan positif Covid-19 lapan hari kemudian.

"Hasil saringan mendapati dua lagi kes positif dikesan," katanya.

Beliau berkata, Kluster Jalan Utara melibatkan dua petugas kesihatan yang dikenal pasti tidak bergejala," katanya.

Menurutnya, kluster baharu dikenal pasti Kluster Benteng PK yang melibatkan 18 pendatang asing tanpa izin (PATI) dan saringan kontak rapat mendapati seorang anggota polis positif Covid-19.

"Kesemua individu daripada kluster berkenaan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Seramai 148 individu telah disaring dan lapan positif manakala 139 didapati negatif," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Bakawali di Johor melibatkan pasangan suami isteri yang mempunyai sejarah perjalanan dari Semporna, Sabah.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# KKM nafi kluster Sabah merebak ke Semenanjung

